

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA [KETEREH]
TARIKH : 24 NOVEMBER 2015
SOALAN :

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sehingga ke hari ini, sejumlah 326 buah klinik 1 Malaysia telah beroperasi dan bercadang untuk menambah 16 klinik pada tahun ini dan 33 klinik pada 2016. Berdasarkan jumlah berkenaan, nyatakan penambahbaikan yang telah dirangka oleh Kementerian bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Klinik 1 Malaysia khususnya kepada golongan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

Penambahbaikan yang telah dirangka termasuklah menambah jumlah Klinik 1 Malaysia (K1M) yang akan beroperasi serta meningkatkan skop perkhidmatan yang diberi di K1M. Sehingga 30 September 2015, sejumlah 328 K1M telah beroperasi di seluruh negara. Menjelang akhir tahun ini, dijangka 13 lagi K1M akan beroperasi.

Perluasan skop perkhidmatan, dari perkhidmatan penyakit ringan, telah dimulakan secara berperingkat dengan memperkenalkan perkhidmatan Pegawai Perubatan pada tahun 2011, Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak pada tahun 2012 dan rawatan penyakit kronik Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) seperti diabetes dan darah tinggi pada tahun 2013. Terdapat juga K1M yang dilengkapi dengan perkhidmatan pergigian. Walaubagaimanapun, implementasi peluasan perkhidmatan ini adalah secara berfasa, tertakluk kepada sumber yang ada. Sehingga kini, terdapat 30 K1M yang telah dilengkapi dengan perkhidmatan pegawai perubatan, 51 K1M dengan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak dan 39 K1M dengan rawatan penyakit kronik.

Terdapat juga K1M yang dibina di kawasan luar bandar dimana sebanyak enam (6) K1M dibina di Rural Transformation Centre atau RTC. Kerajaan berpendapat perkhidmatan kesihatan yang lebih komprehensif perlu disediakan untuk masyarakat luar bandar, dimana dalam RMK-11, perancangan telah dibuat untuk menaik taraf Klinik Desa ke Klinik Kesihatan Jenis 7.